

# CABARAN GURU BAHASA MELAYU DALAM USAHA MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC) PENULISAN KARANGAN ARGUMENTATIF (The Challenge of Malay Language Teacher in The Effort To Inculcate Higher Thinking Skills (KBAT) in Learning And Facilitating (PDPC) of Argumentative Essay Writing)

\* Marzni Mohamed Mokhtar<sup>1</sup>, Rohizani Yaakub<sup>2</sup>, Fadzilah Amzah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [marznifpp@gmail.com](mailto:marznifpp@gmail.com)

## Article History:

Submit: 19 September 2018

Accepted: 17 October 2018

Revised: 26 November 2018

Published: 31 December 2018

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 2, No. 2 (2018), 7-14*

## Abstrak

Kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi yang saban hari mengalami revolusi turut mempengaruhi perkembangan dunia pendidikan kini. Guru sebagai individu yang bertanggungjawab mengajar dan membimbing murid di dalam bilik darjah perlu melakukan anjakan paradigma berkaitan pedagogi yang dilaksanakan. Guru seharusnya bijak mengimbangi antara kandungan pengetahuan atau ilmu yang ingin disampaikan dan kemudiannya digabungkan bersama kemahiran-kemahiran lain khususnya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan menggunakan teknologi mudah alih. Adalah menjadi satu keperluan bagi guru membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dilaksanakan di bilik darjah. Dalam kertas kajian ini, penyelidik akan memberikan perhatian pada cabaran yang perlu digalas oleh guru dalam merencanakan usaha menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Seramai dua orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah telah dipilih sebagai peserta kajian dan dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Proses pengumpulan data dilakukan dengan cara temu bual secara mendalam bersama-sama kedua-dua peserta kajian. Manakala data-data dianalisis menerusi proses penyaringan kod, penentuan kriteria dan pembinaan tema. Tema yang ditemui sebagai dapatan kajian bagi cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif terdiri daripada (i) cabaran kepada pengguna ilmu (murid); (ii) cabaran kepada pengamal pendidikan (guru) dan (iii) cabaran kepada khalayak (masyarakat).

**Kata kunci:** cabaran, pendidikan Bahasa Melayu, KBAT, kajian kes kualitatif, karangan argumentatif

## Abstract

The advancement of information and communication technology that experience revolution every single day also influenced the development of the educational world today. The teachers as individual responsible for teaching and guiding students in the classroom need to shift their paradigm in relevance to pedagogy implemented. Teachers should be wise in balancing between content knowledge or knowledge that is to be delivered and then interrelate it with other skills, in particular high level thinking skills (KBAT) using mobile technology. It is a necessity for teachers to promote high level thinking skills (KBAT) in learning and facilitating (PdPc) implemented in the classroom. In this study, the researcher will focus on the challenges that need to be faced by the teachers in planning efforts to apply KBAT in PdPc of writing argumentative essay. Qualitative study design by using case study approach was used in this study. Two Malay language teachers who teach form four in a secondary school have been selected as participants in this study and the selection was conducted using the purposive sampling technique. The process of data collection was conducted by conducting in-depth interview of both participants of the study. Meanwhile, the data is analysed through the process of filtering code, determination of criteria and construction of theme. Themes found as result of the challenges in the implementation of KBAT in learning and facilitating of argumentative essay writing are (i) challenge to the knowledge user (students); (ii) challenge to the educator (teacher) and (iii) challenge to the audience (society).

**Keywords:** challenge, Malay Language education, KBAT, qualitative case study, argumentative essay

## 1.0 PENGENALAN

Pembelajaran kemahiran berbahasa murid iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis secara sendiri yang lebih mendalam, konsisten, produktif dan berkesan dapat dilaksanakan menerusi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran guru (Yahya Othman, 2014). Pandangan ini turut dipersetujui oleh Siti Khairiah Mohd Zubir (2012) yang menegaskan bahawa dalam proses PdPc, seseorang guru Bahasa Melayu sewajarnya menguasai (i) pengetahuan pedagogi; (ii) pengetahuan kandungan; (iii) menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif; (iv) melonjakkan ilmu pengetahuan murid dengan menggabung jalin kemahiran berbahasa bersama-sama aktiviti penerokaan, pencarian maklumat, pelaporan dan menghasilkan produk yang mempunyai unsur KBAT dan (iv) memupuk semangat cinta akan Bahasa Melayu.

Tambahan pula, peranan guru sebagai penggerak kegiatan berfikir murid ini dilihat bertepatan dengan hasrat negara yang memberikan penekanan terhadap penerapan KBAT dalam proses PdPc. Penerapan KBAT dalam PdPc adalah relevan bagi menjadikan murid mempunyai sikap ingin tahu, berani mencuba sesuatu yang berunsur positif dan mengamalkan sikap pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini dibuktikan menerusi pernyataan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025):

Setiap murid perlu membina kemahiran inkuiri dan belajar cara untuk terus mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat supaya boleh menghubungkan kait pelbagai pengetahuan, dan mewujudkan pengetahuan baharu. KBAT dan kemampuan untuk melakukan inovasi amat kritikal dalam dunia teknologi yang berkembang pesat. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting iaitu pemikiran kreatif dan inovatif (kemampuan menginovasi, menjana kemungkinan baharu dan mencipta idea atau pengetahuan baharu); pemikiran kritis dan penaakulan (keupayaan menganalisis maklumat, menjangka masalah dan mendekati isu secara kritis, logik, induktif dan deduktif bagi mencari penyelesaian dan akhirnya membuat keputusan); dan keupayaan belajar (keupayaan memacu pembelajaran sendiri, dengan kemampuan menghargai nilai pembelajaran sepanjang hayat).

(KPM, 2013: Bahagian 2-5)

Melihat pada penekanan KBAT sebagai salah satu medium merealisasikan aspek kemenjadian murid, adalah menjadi keperluan kepada guru untuk berusaha melahirkan individu yang berilmu, berkemahiran serta memiliki kekuatan spiritual dan sahsiah yang unggul (Zarina Abdul Rashid, 2016). Bagi menjayakan wawasan dan matlamat pendidikan ini, guru-guru perlu memiliki dan menguasai kekuatan ilmu dan intelek yang tinggi, penguasaan kemahiran profesional yang mantap serta diperkasakan dengan penguasaan kemahiran dan teknologi baru, penghayatan nilai dan etika keguruan serta kekuatan peribadi dan sahsiah yang terpuji.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Penerapan KBAT dalam PdPc masih dikaitkan dengan isu yang melibatkan pedagogi dan pengetahuan kandungan guru. Hal ini demikian kerana guru didapati sukar menentukan secara khusus kemahiran seperti kemahiran kritikal, kreatif dan analitik akibat berlakunya pertindanan fungsi kemahiran-kemahiran ini semasa PdPc berlangsung. Selain itu, wujud isu seperti jenis kemahiran yang sepatutnya ditekankan dalam PdPc guru seperti kemahiran kritikal, kreatif, analitik, logik dan taakulan. Kekeliruan ini timbul kerana sebahagian guru lemah atau bersikap negatif, keliru untuk menggunakan kaedah atau strategi mengajar yang sesuai, berasa tidak yakin dan tidak cukup latihan untuk menerapkan KBAT dalam PdPc (Zarina Abdul Rashid, 2016 & Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha Nik Azimah Nik Yusuff, Rosnidar Mansor, 2017). Natijahnya, pembudayaan amalan pedagogi KBAT secara efektif tidak dapat dilakukan kerana guru tidak bersedia secukupnya dan akhirnya kelihatan berpuas hati dan selesa dengan amalan rutin dalam bilik darjah.

Selanjutnya, penerapan KBAT dalam PdPc didapati dilakukan secara tidak konsisten kerana guru tidak melakukan perancangan yang teliti untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdPc di samping isu kekangan masa bagi menyempurnakan pengajaran berasaskan silibus (Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamysis & Aliza Ali, 2012; Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah, 2012; Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja, 2014; Zulkifli Osman, 2015; Zarina Abdul Rashid, 2016). Interaksi sehalu berbanding kaedah pengajaran dua hala dengan murid juga menjadi antara faktor

penerapan KBAT dalam PdPc kurang diamalkan akibat kelaziman guru menyampaikan isi pelajaran dalam bentuk kuliah atau syarahan (Nooriza Kassim & Effandi Zakaria, 2015). Kecenderungan guru menggunakan teknik penyoalan beraras rendah dalam pengajaran mereka juga merupakan isu pedagogi guru dalam penerapan KBAT (Sharifah Nor Puteh et al., 2012; Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah, 2012; Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja, 2014; Zulkifli Osman, 2015; Zarina Abdul Rashid, 2016).

Kekurangan modul dan bahan bantu belajar sebagai panduan bagi guru-guru yang tidak berpeluang mengikuti kursus atau bengkel juga dilihat merencatkan usaha penerapan KBAT dalam PdPc (Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff, Rosnidar Mansor, 2017; James Ang Jit Eng, 2017). Pengabaian terhadap bahan bantu belajar dan modul penerapan KBAT dalam PdPc ini didapati menjejaskan penglibatan intelektual murid dalam PdPc dan kualiti latihan dan tugas yang diberikan kepada murid (Baharuddin Jabar, 2006; Md. Yusof Dawam, 2006; Yahya Othman, 2009). Kesannya, guru didapati tidak mempraktikkan strategi PdPc berpusatkan murid untuk mengembangkan KBAT menerusi aktiviti PdPc di luar bilik darjah seperti perbincangan secara berkumpulan, permainan atau persembahan (Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali & Siti Noor Ismail, 2016).

Perbincangan seterusnya melibatkan isu dan permasalahan berkaitan pengetahuan kandungan guru iaitu tatacara penulisan karangan argumentatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru juga tidak mempunyai pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kandungan berkaitan kemahiran berhujah (Wolfersberger, 2007). Akibatnya, guru bersikap mengelakkan atau tidak mahu mengajarkan mod karangan argumentatif kepada murid (Dornbrack & Dixon, 2014). Guru-guru sukar memilih tajuk yang tepat dan miid wacana bagi menjamin kualiti penulisan murid memandangkan murid mempunyai pengetahuan sedia ada yang berbeza (Wei Zhu, 2001; Preiss, Castillo, Grigorenko & Manzi, 2013). Guru juga turut berhadapan dengan masalah untuk memastikan permorkahan yang dilakukan terhadap karangan argumentatif memenuhi format pemorkahan yang ditetapkan akibat kekeliruan guru memahami definisi bagi konstruk yang dibangunkan dalam rubrik pemorkahan untuk menaksir karangan argumentatif (Preiss, Castillo, Grigorenko & Manzi, 2013; Dornbrack & Dixon, 2014). Kekeliruan ini akhirnya menyebabkan guru gagal memenuhi tuntutan sebenar proses penulisan karangan argumentatif mengikut piawaian yang standard yang kemudiannya menjejaskan kualiti pengajaran guru di bilik darjah. Dalam proses penulisan karangan argumentatif, guru juga mengabaikan penggunaan koheren dan kohesi dan menunjukkan bukti dan sokongan yang tidak bersesuaian dalam mempertautkan hujah yang dikemukakan oleh murid (Cho & Jonassen, 2002; Helms-Park & Stapleton, 2003; Brudvik, Hong & Chee, 2006; Moore & MacArthur, 2011). Guru juga didapati mengabaikan proses penaakulan yang amat penting dalam mencungkil keupayaan murid mengemukakan hujah mereka dalam membahaskan isu dalam penulisan karangan argumentatif (Stapleton & Wu, 2015).

Setelah meneliti hubung kait antara isu dengan permasalahan berkaitan pengetahuan pedagogi guru iaitu penerapan KBAT dalam PdPc dan pengetahuan kandungan guru berkaitan proses penulisan karangan argumentatif, timbul persoalan berkaitan apakah cabaran guru Bahasa Melayu di sekolah menengah melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan. Sekiranya benar guru telah melaksanakan penerapan KBAT sama ada secara sedar atau tidak, bagaimana guru berhadapan dengan cabaran penerapan KBAT dalam PdPc? Justeru, adalah penting dan relevan untuk kajian cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif dilaksanakan oleh pengkaji untuk meneroka konteks sebenar yang berlaku di sekolah menengah.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif bagi memahami dengan jelas tentang cabaran guru Bahasa Melayu di sekolah menengah melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Reka bentuk penyelidikan kajian kes kualitatif dilaksanakan bagi membolehkan pengkaji menghuraikan pengalaman, tingkah laku, emosi, perasaan, dan interaksi antara peserta kajian dengan isu yang dibincangkan sebagaimana yang disarankan oleh Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman (2001) & Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah & Siti Rahayah Arifin (2010). Berikut ialah perincian bagi penetapan objektif dan prosedur pelaksanaan kajian:

#### 4.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti cabaran guru Bahasa Melayu di sekolah menengah dalam melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian berikut:

- a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu di sekolah menengah dalam melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif?

#### 5.0 PROSEDUR PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan penyertaan dua orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tingkatan Empat yang mengajar di sekolah di Selangor. Pemilihan dua orang guru dalam kajian ini dianggap memadai kerana kedua-duanya dianggap sebagai pakar dalam PdPc KBAT bagi penulisan karangan argumentatif. Malah, penglibatan dua orang guru ini juga adalah bertujuan membantu pengkaji meneroka cabaran dan proses yang berlaku secara keseluruhan dan mendalam bagi amalan pedagogi penulisan karangan argumentatif di sekolah. Kedua-dua guru ini juga dipilih sebagai pakar rujuk dalam kajian memandangkan kedua-duanya telah mengikuti pelbagai kursus berkaitan Pembelajaran Abada ke-21 dan mendapat pendedahan berkaitan peta pemikiran *i-Think* sehingga dilantik sebagai Pemandu *i-Think* di sekolah terdahulu sebelum bertyugas di lokasi kajian. Guru ini dinamakan semula sebagai Encik Fahmi dan Encik Rahimi dan melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela untuk membekalkan data. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana peserta kajian merupakan pakar kerana memiliki informasi yang bermakna terhadap sesuatu isu yang dikaji (Mason, 2002; Maxwell, 2008 & Merriam, 1988 & 2009). Proses pengumpulan data melibatkan tiga teknik utama iaitu temu bual secara mendalam, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisisan dokumen iaitu karangan argumentatif yang dihasilkan oleh murid. Kesemua data-data ini dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik bagi membina kriteria dan tema yang relevan untuk menjawab soalan kajian. Berikut ialah profil peserta kajian ini:

Jadual 1: Profil Peserta Kajian

Profil Peserta Kajian		Tempoh pemerhatian dan temu bual
Encik Fahmi (bukan nama sebenar)	Encik Rahimi (bukan nama sebenar)	
36 tahun Lelaki Melayu Banting, Selangor Ijazah Pendidikan Bahasa Melayu UPSI (1999-2003) Pengalaman Mengajar 13 tahun SBP1 (2003-2014) & SBP2 (2014-2016) AnugerahPerkhidmatan Cemerlang (2013) Guru Mata Pelajaran Terbaik PMR 2013 (Tempat Ke-11 bagi SBP seluruh Malaysia) Guru Mata Pelajaran Terbaik SPM 2015 (Tempat Ketujuh bagi SBP seluruh Malaysia)	31 tahun Lelaki Melayu Taiping, Perak Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama) UPM (2005-2009) Pengalaman Mengajar 8 tahun SBP1 (2009-2014) & SBP2 (2014-2016) Pemandu <i>i-Think</i> Kohort Pertama	PdPc (Pemerhatian/ rakaman) 80 minit x 7 sesi = 560 minit  Temu bual 60 minit x 7 sesi = 420 minit

#### 6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Persaingan dalam sistem pendidikan global turut memberikan kesan terhadap sistem pendidikan negara. Rentetan daripada senario ini, PPPM (2013-2025) telah dirangka dengan memberikan penekanan secara langsung terhadap elemen KBAT sebagai teras memajukan sistem pendidikan negara. Lantaran ini, pengkaji mengambil kira perubahan hala tuju sistem pendidikan negara dengan melihat pada cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif.

Soalan kajian yang dibincangkan dalam makalah ini adalah untuk meneroka apakah cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa melayu di sekolah menengah dalam melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif. Pemaparan dapatan kajian bagi soalan kajian ini telah dikelompokkan kepada tiga tema utama iaitu (i) cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kepada pengguna ilmu (murid); (ii) cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kepada pengamal pendidikan (guru); dan (iii) cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kepada khalayak (masyarakat).

### **6.1 Cabaran Penerapan KBAT dalam PdPc Penulisan Karangan Argumentatif kepada Pengguna Ilmu (Murid)**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif mendatangkan cabaran kepada pengguna ilmu iaitu murid. Terdapat tiga sub-tema yang dibentuk menerusi temu bual secara mendalam bersama kedua-dua peserta kajian. Mereka bersetuju bahawa penerapan KBAT menjadi cabaran kepada murid dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kerana murid perlu (i) menguasai tatacara penulisan karangan; (ii) menghasilkan karangan KBAT; (iii) seiring dengan perubahan teknologi maklumat dan komunikasi; dan (iv) persediaan masa hadapan murid. Bagi penguasaan tatacara penulisan karangan dan penghasilan karangan KBAT dalam kalangan murid, dapatan kajian ini amat bertepatan dengan pandangan Goh Ong Sing (1995); Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor (2007); Suria Baba & Juriah Long (2010) dan Zarina Abdul Rashid (2016). Kedua-dua peserta kajian memberikan justifikasi bahawa dengan menguasai KBAT, murid mampu berfikir secara matang dalam penulisan untuk memiliki daya imaginasi yang tinggi dan mengoptimalkan keupayaan kognitif menjana buah fikiran.

Penerapan KBAT dalam penulisan karangan argumentatif amat mencabar menurut kedua-dua peserta kajian memandangkan berlakunya ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang mempengaruhi pelaksanaan PdPc di bilik darjah. Lantaran itu, wujud persamaan dapatan kajian dengan kajian Abu Bakar Nordin (2013) dan Maimunah Nasir & Hashimah Mohd Yunus (2017) yang menyatakan ledakan TMK memerlukan murid bijak menggunakan maklumat terbuka secara meluas. Justeru, guru perlu memberi penekanan pada elemen KBAT dalam PdPc yang dapat menggalakkan murid berfikir pada aras tinggi untuk disuaipadankan dengan maklumat yang diperolehi. Bagi dapatan kajian berkaitan persediaan masa depan murid pula, dapatan ini dilihat mempunyai persamaan dengan saranan Nur Hidayah Ismail (2015). Kedua-dua peserta kajian menerapkan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif sebagai langkah awal menyediakan murid untuk membudayakan KBAT bagi memenuhi tuntutan akademik dan kehidupan seharian.

### **6.2 Cabaran Penerapan KBAT dalam PdPc Penulisan Karangan Argumentatif kepada Pengamal Pendidikan (Guru)**


Selanjutnya, penelitian terhadap tema bagi cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif turut mendatangkan impak kepada pengamal pendidikan iaitu guru. Hal ini demikian kerana guru merupakan agen pelaksana dan penyampai ilmu kepada murid dalam PdPc. Justeru, sub-tema yang diperolehi bagi tema cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif kepada pengamal pendidikan ini terdiri daripada (i) pembudayaan KBAT dalam pedagogi guru; (ii) KBAT merentasi kurikulum dan disiplin; dan (iii) perubahan sistem pendidikan lokal dan global.

Bagi dapatan kajian berkaitan cabaran guru untuk membudayakan KBAT dalam PdPc, dapatan ini menyamai pandangan Kamsiah Abdullah (2002), Aminah Ayob (2003), Maimunah Osman (2004) dan Abdul Halim Abdullah (2016). Malah, PPPM (2013-2025) turut memberikan perhatian khusus mengenai budaya penerapan KBAT dalam PdPc yang dilangsungkan oleh guru. Hal ini penting memandangkan pembudayaan pemikiran KBAT dalam PdPc dapat membolehkan perkongsian kepelbagaian disiplin ilmu dilakukan. Menerusi KBAT, murid juga digalakkan untuk berfikir secara bercapah dan melihat sesuatu isu atau topik yang dibincangkan dalam PdPc kemahiran menulis dalam pelbagai perspektif.

Dapatan kajian yang selanjutnya menunjukkan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif menjadi cabaran kepada guru kerana KBAT didapati merentasi kurikulum dan disiplin ilmu. Dapatan kajian ini selari dengan gagasan yang dikemukakan oleh KPM (2013) dan Abdul Halim Abdullah (2016). Hal ini demikian kerana kedua-dua peserta kajian menyedari bahawa penerapan KBAT dalam PdPc telah pun mendominasi kesemua cabang ilmu. Tuntutan perubahan sistem pendidikan pada peringkat global turut memberikan kesan kepada sistem pendidikan lokal. Justeru, dalam konteks proses penulisan karangan argumentatif, KBAT amat relevan untuk dijadikan sebagai elemen teras dalam PdPc di bilik darjah.

### 6.3 Cabaran Penerapan KBAT dalam PdPc Penulisan Karangan Argumentatif kepada Khalayak (Masyarakat)

Tema terakhir yang dibina berkaitan cabaran penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif ialah melibatkan cabaran kepada khalayak iaitu masyarakat. Peserta kajian telah menerangkan bahawa golongan masyarakat dapat membantu meneruskan usaha membudayakan KBAT dalam PdPc dapat merealisasikan hasrat negara dalam usaha melahirkan masyarakat yang berilmu dan mendidik masyarakat berminda kelas pertama. Usaha melahirkan masyarakat yang berupaya maju daya fikirnya ini memerlukan masa untuk diteruskan. Justeru, peserta kajian mencadangkan kesedaran dalam kalangan masyarakat ini dapat dipupuk dengan adanya program pendidikan atau aktiviti PdPc yang memerlukan penglibatan murid dengan masyarakat secara langsung dan konsisten. Dapatan kajian ini bertepatan dengan pendapat Goh Ong Sing (1995), Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor (2007) dan Nur Hidayah Ismail (2015). Sememangnya KBAT amat signifikan kepada masyarakat terutamanya jika penerapan KBAT dalam PdPc telah mula dibudayakan sejak dari awal persekolahan dan impaknya telah dapat dilihat. Usaha berterusan oleh pengamal pendidikan diyakini mampu memenuhi hasrat negara dalam melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan tinggi, berfikir secara kritis, berdaya saing, berinovasi dan mampu berfikir di luar kebiasaan.



Rajah 2.0: Ringkasan Dapatan Kajian Cabaran Penerapan KBAT dalam PdPc Penulisan Karangan Argumentatif

## 7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif menjadi cabaran yang perlu ditangani dengan berkesan dan dapat dipadukan dengan pengetahuan pedagogi dan pengetahuan isi kandungan guru. Adalah menjadi keperluan bagi guru untuk bersikap bijak mempertautkan kaedah, pendekatan, strategi atau teknik pengajaran yang terbaik mengikut darjah penerimaan murid dan tuntutan semasa yang berlaku dalam lapangan pendidikan. Kesedaran ini amat perlu dalam kalangan guru khususnya bagi memastikan budaya keilmuan di dalam bilik darjah dapat dimartabatkan dengan jayanya tanpa meminggirkan kepentingan atau perkara asas yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid. Penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan argumentatif yang dilangsungkan sememangnya mendatangkan impak yang positif bagi segenap lapisan masyarakat yang melibatkan murid, guru, pihak pentadbir mahupun kementerian atau khalayak umum.

## 8.0 RUJUKAN

Abdul Halim Abdullah. (2016). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dari Aspek Kurikulum, Pedagogi Dan Pentaksiran. Dalam Johari Surif, Nor Hasniza Ibrahim, Abdul Halim Abdullah & Yusof Boon, *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran* (hlm 127-149). Skudai: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Abu Bakar Nordin. (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif Dan Inovatif. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 1(1), hlm. 10-18.
- Aminah Ayob. (2003). *Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor Pelantikan 2003/bil.2. Pembelajaran Berasaskan Minda Dan Implikasinya Kepada Pendidikan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Brudvik, O.C., Hong, K.H., Chee, Y.S. & Guo, L. (2006). Assessing The Impact Of A Structured Argumentation Board On The Quality Of Students' Argumentative Writing Skills. *Proceedings Of The 14th International Conference On Computers In Education* (hlm. 141-148). Amsterdam: IOS Press.
- Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja. (2014). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Vol. 4, Bil. 2 Nov*, hlm. 10-24.
- Cho, K.L. & Jonassen, D.H. (2002). The Effects Of Argumentation Scaffolds On Argumentation And Problem Solving. *ETR & D, Vol. 50, No.3*, hlm. 5-22.
- Dornbrack, J. & Dixon, K.(2014). Towards A More Explicit Writing Pedagogy: The Complexity Of Teaching Argumentative Writing. *Reading & Writing 5(1), Art*, hlm. 1-8.
- Goh Ong Sing & Tenaga Pengajar Kursus Bahasa Malaysia IV. (1995). *Bahasa melayu kemahiran*. Pulau Pinang: Pusat Bahasa dan Terjemahan Universiti Sains Malaysia.
- Helms-Park, R. & Stapleton, P. (2003). Questioning The Importance Of Individualized Voice In Undergraduate L2 Argumentative Writing: An Empirical Study With Pedagogical Implications. *Journal of Second Language Writing* 12, hlm. 245–265.
- James Ang Jit Eng. (2017). Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Dalam Pasukan Pemikir Abad Ke-21, *Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21*. Bandar Enstek, Nilai Institut Aminuddin Baki.
- Kamsiah Abdullah. (2002). *Bahasa dan pemikiran – rangkaian penelitian*. Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Maimunah Nasir & Hashimah Mohd Yunus. (2017). Peranan Guru Tingkatan Enam Dalam Membentuk Pelajar Terarah Kendiri Dan Meningkatkan Kemahiran Abad Ke-21. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Bil. 5, Isu 1, Januari*, hlm. 1-6.
- Maimunah Osman. (2004). *Kemahiran Berfikir Siri Pengurusan Intan*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching*. London: SAGE Publication, Inc.
- Maxwell, J.A. (2008). Designing a Qualitative Study. Dalam Bickman L. & Rog, D.J., *The SAGE Handbook of Applied Social Research Methods* (hlm. 214-253). California : SAGE Publications Inc.
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study Research In Education : A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-BassPublishers.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research A Guide To Design And Implementation :Revised And Expanded From Qualitative Research Case Study Application In Education*. San Francisco : Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Md.Yusof Dawam. (2006). *Mengajar Kemahiran Berfikir Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah: Satu Kajian Di Sebuah Sekolah Di Mersing, Johor*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuffa, Rosnidar Mansor. (2017). Pembangunan Modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Dalam Mata Pelajaran Sains Sekolah Rendah: Analisis Keperluan Guru. *Sains Humanika 9: 1-5*, hlm. 119–125.
- Moore, N.S. & MacArthur, C.A. (2011). The Effects Of Being A Reader And Of Observing Readers On Fifth-Grade Students' Argumentative Writing And Revising. *Reading and Writing Volume 25, Number 6*, hlm. 1449-1478.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Fatimah Mohd Yassin, Mohd Izham Mohd Hamzah & Siti Rahaya Arifin. (2010). Kajian kes Dalam Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Hlm. 345-371). Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education.
- Noor Rohana Mansor. (2007a). *Monograf Analisis Aras Kognitif Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Komuniti Pulau Dan Pesisir Pantai*. Kuala Terengganu Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Noor Rohana Mansor. (2007b). *Aras kognitif soalan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Preiss, D., Castillo, J.C., Grigorenko, E.L. & Manzi, J. (2013). Argumentative Writing And Achademic Achievement A Longitudinal Study. *Learning and Individual Differences* 28, hlm. 204–211.

- Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali & Siti Noor Ismail. (2016). Tahap Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis (KPK) Di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sederhana Dan Rendah. *International Seminar On Generating Knowledge Through Research*. (Hlm. 967-976). Sintok: UUM-UMSIDA. 25-27 Oktober 2016.
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis & Aliza Ali. (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu November Vol., Bil 2*, hlm. 19-31.
- Siti Hawa Abdullah & Santhiram Raman. (2000/2001). Quantitative & Qualitative Research Methods : Some Strengths & Weaknesses. *Jurnal Pendidik & Pendidikan, Jilid 17*, hlm. 120-134.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2012). Memartabatkan bahasa melayu sebagai bahasa ilmu. *Pelita Bahasa*. Bil 10 (8), hlm. 21-25
- Stapleton, P. & Wu, Y. (2015). Assessing The Quality Of Arguments In Students' Persuasive Writing: A Case Study Analyzing The Relationship Between Surface Structure And Substance. *Journal of English for Academic Purposes 17*, hlm. 12- 23.
- Sulaiman Masri & Ahmad Khair Mohd Nor. (2007). *Seni mengarang*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi Dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, Vol.2 No.1*, hlm. 18-36.
- Suria Baba & Juriah Long (2010). Pedagogi Bestari Dalam Aktiviti Prapenulisan Bahasa Melayu. Dalam Juriah Long, *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu* (hlm. 172-188). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wei Zhu. (2001). Performing Argumentative Writing In English: Difficulties, Processes And Strategies. *TESL Canada Journal Vol. 19, No.1, WINTER*, hlm. 34-50.
- Wolfersberger, M. A. (2007). *Second Language Writing From Sources: An Ethnographic Study Of An Argument Essay Task*. Unpublished PhD. Second Language Teaching and Learning: The University of Auckland.
- Yahya Othman. (2003). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Daripada Perspektif Guru. *Jurnal Bahasa Volume 3, No 1*, hlm. 136-159.
- Yahya Othman. (2009). Keutamaan Bahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pada Sekolah-Sekolah Di Selangor Darul Ehsan, Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 2(2), hlm. 216-226.
- Yahya Othman. (2014). Peranan Guru Bahasa Melayu Dalam Merangsang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Dewan Bahasa*. Bil 14 (5), hlm. 20-24.
- Zarina Abdul Rashid. (2016). *Tahap Kesiediaan Guru Dalam Aspek Pengetahuan Dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi). Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zulkifli Osman. (2015). Kemampuan Model Pengajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kemahiran Berfikir Melalui Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Meningkatkan Tahap Motivasi Dan Kemahiran Bahasa Pelajar. *PENDETA – Jurnal Bahasa, Pendidikan & Sastra Melayu, Vol. 6*, hlm. 181-213.